

Headline	Jentayu bangun loji solar di Kedah		
MediaTitle	Kosmo		
Date	18 Jan 2019	Language	Malay
Circulation	155,996	Readership	467,988
Section	Niaga	Page No	45
ArticleSize	236 cm <sup>2</sup>	Journalist	N/A
PR Value	RM 18,444		



## Jentayu bangun loji solar di Kedah

**POKOK SENA** - Kerja-kerja pembinaan loji fotovoltaik solar berskala besar yang pertama di Kedah, dijangka siap menjelang suku ketiga tahun ini.

Pengarah Eksekutif Jentayu Solar Sdn. Bhd. (Jentayu Solar), Tunku Datin Myra Madihah Tunku Mudzaffar berkata, sebanyak 27,000 panel solar dan 84 inverter akan digunakan untuk loji tersebut.

"Loji ini dijangka menghasilkan sehingga 12,454 megawatt elektrik sepanjang tempoh konsesi selama 21 tahun, ia cukup untuk membekalkan elektrik kepada lebih 500,000 unit rumah di kawasan Pokok Sena.

"Projek solar ini akan mengurangkan gas rumah hijau. Sistem itu akan bersambung dengan pencawang Tenaga Nasional Bhd. (TNB), kira-kira tujuh kilometer dari loji," katanya.

Beliau berkata demikian



MUKHRIZ (empat dari kiri) dan Myra Madihah (dua dari kiri) melakukan gimik perasmian pada majlis pecah tanah projek loji fotovoltaik solar berskala besar di Kampung Bendang Perang, Pokok Sena semalam.

pada majlis pecah tanah pembinaan loji solar tersebut di sini semalam.

Jentayu Solar merupakan

pemaju projek tersebut.

Turut hadir Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Mukhriz Mahathir, Tunku

Temenggong Kedah Tunku Puteri Intan Shafinaz Sultan Abdul Halim, Raja Puan Muda Perak, Tunku Soraya Sultan Abdul Halim dan para pemegang saham Jentayu Solar.

Tunku Myra Madihah menjelaskan, syarikat itu memilih Kedah sebagai ladang solarnya kerana lebih bersesuaian berbanding negeri lain.

"Selepas Perlis, Kedah dilapor mencatatkan tahap sinaran solar yang lebih tinggi berbanding negeri lain di Semenanjung.

"Berikutan jumlah tanah yang terhad di Perlis, para pelabur hanya perlu tertumpu kepada Kedah sebagai pilihan selanjutnya yang berdaya maju untuk membangunkan ladang solar," katanya.

Tambah beliau, projek itu akan menawarkan 150 peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan. - Bernama